

MB Perak minta JPS kaji punca banjir di Manjoi

IPOH — Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) diminta mengkaji dan mencari punca sebenar berlakunya kejadian banjir di Manjoi, baru-baru ini, kerana kawasan itu tidak pernah terlibat dengan banjir buruk sejak 30 hingga 40

tahun lalu.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir berkata, JPS perlu meneliti semula masalah tersebut kerana difahamkan Sungai Pari tidak mampu menampung kapasiti kandungan air yang me-

ningkat kerana hujan lebat.

“Selain itu, kejadian hujan luar biasa yang berlaku pada hari kejadian juga punca utama sehingga menyebabkan kawasan berkenaan dinaiki air sekali gus dan penduduk terpaksa berpindah ke pusat pe-

mindahan,” katanya ketika ditemui pada sidang media, di sini semalam.

Zambry turut mengulas ketersediaan penduduk yang tinggal di kawasan pinggiran sungai berpindah dari penempatan tersebut

jika Kerajaan Negeri menyediakan tempat lain.

“Kita akan cuba lihat dahulu isu tersebut apa yang lebih penting sekarang JPS perlu membuat penelitian terlebih dahulu,” katanya.